



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : [kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)
Facebook : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(62)

Tarikh : 13 Mac 2013

SIARAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR INTEGRITI KORPORAT (*CORPORATE INTEGRITY PLEDGE*: CIP) ANTARA PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (PPSPPA) DENGAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Putrajaya, 13 Mac 2013 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyaksikan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge* :CIP) antara Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan (PPSPPA) dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada petang ini. CIP ini ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA, Y.Bhg. Datuk Hj. Zaini Bin Md Nor di hadapan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Y.Bhg. Dato' Hjh. Sutinah Binti Suta.

CIP ini adalah komitmen PPSPPA dalam menjalankan amanah sebagai sebuah agensi tunggal dipertanggungjawabkan dalam pengurusan sisa pepejal di negara ini dengan berintegriti atas khidmat nasihat SPRM dalam memastikan: kejayaan dalam penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672)

- pelaksanaan prosedur kawalan dalaman dan program-program integriti secara berterusan yang membentuk perjalanan operasi PPSPPA yang kukuh.
- tanggungjawab memantau dan mengawal selia prestasi 3 syarikat konsesi yang telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan: Alam Flora Sdn. Bhd, Southern Waste

Managemant Sdn Bhd dan Environment Idaman Sdn Bhd dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara yang efisien

- komitmen PPSPPA untuk melaksanakan dasar-dasar dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara bersepadu dan efektif melalui peningkatan kesedaran awam dan penggunaan teknologi terkini bagi memastikan Malaysia mempunyai persekitaran yang bersih, sihat dan mampan.

Majlis pada petang ini turut dihadiri oleh Datuk Arpah Binti Abdul Razak: Ketua Setiausaha, Datuk Noriah Binti Hashim : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Encik Yong Bun Fou : Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), ketua - ketua jabatan dan setiausaha-setiausaha bahagian KPKT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : pro@kpkt.gov.my